



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**  
BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN (PENCEN)  
Aras 2-5, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel. : Pusat Panggilan: 03-88854906/88854475/03-88854477  
Faks : 03-88892193/88892196  
Web : <http://www.jpapencen.gov.my>



Ruj. : JPA/PEN/223/1/2JLD 11 (52)  
Tarikh : 30 April 2012

Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia  
Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia  
Yang Dipertua Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia  
Semua Pesara Awam Persekutuan

YBhg. Dato' / Datin / Dr. / Tuan / Puan,

**PERKHIDMATAN PEMBIAYAAN BEKALAN UBAT DAN ALATAN PERUBATAN KEPADA PESARA AWAM PERSEKUTUAN DAN TANGGUNGAN YANG LAYAK MELALUI PENYAMPAIAN SISTEM *ELECTRONIC MEDICAL AUTOMATION SUPPLY SYSTEM (e-MASS)***

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan telah melantik Syarikat Oratis Services Sdn. Bhd. bagi melaksanakan pembiayaan ubat dan peralatan perubatan yang dibekalkan kepada **Pesara Awam Persekutuan** melalui Penyampaian Sistem *Electronic Medical Automation Supply System (e-MASS)* mulai 15 Februari 2012. Syarikat Oratis Services Sdn. Bhd. merupakan perantara di antara JPA dengan pesara bagi mendapatkan bekalan ubat dan peralatan perubatan yang tidak dapat dibekalkan / disediakan oleh hospital / klinik Kerajaan.

3. Sebelum pelaksanaan e-MASS ini, prosedur sedia ada menetapkan bahawa pesara perlu mendapatkan rawatan dan ubat-ubatan di mana-mana hospital / klinik kerajaan. Sekiranya ubat yang dipreskripsikan oleh doktor tidak dapat dibekalkan / disediakan oleh hospital / klinik kerajaan, maka pesara hendaklah membeli sendiri bekalan ubat di mana-mana farmasi swasta dan seterusnya membuat tuntutan bayaran balik perbelanjaan perubatan ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam dengan mengemukakan Borang Perubatan 1/09 yang telah lengkap diisi dan ditandatangani oleh Pegawai / Pakar Perubatan Kerajaan berserta resit asal pembelian.

4. Dengan pelaksanaan e-MASS, pesara kini boleh mendapatkan bekalan ubat dan peralatan perubatan di hospital / klinik / farmasi / agensi swasta yang berdaftar dengan Syarikat Oratis Services Sdn. Bhd. **SECARA PERCUMA** (tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009). Antara kaedah-kaedah yang disediakan bagi memudahkan pesara untuk mendapatkan bekalan ubat dan peralatan perubatan adalah seperti berikut:

- i) datang terus ke hospital / klinik / farmasi / agensi swasta yang berdaftar dengan Syarikat Oratis Services Sdn. Bhd.;
- ii) menghubungi *Call Centre* e-MASS yang disediakan dan penghantaran akan dibuat secara terus oleh Syarikat Oratis Services Sdn. Bhd. kepada pesara atau hospital; atau
- iii) membuat tempahan melalui laman web e-MASS iaitu [www.emass.com.my](http://www.emass.com.my) dan penghantaran akan dibuat secara terus oleh Syarikat Oratis Services Sdn. Bhd. kepada pesara atau hospital.

5. Sehubungan dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa **mulai 15 Mei 2012 pesara tidak perlu lagi membeli bekalan ubat dengan menggunakan wang sendiri** dan **Jabatan ini TIDAK akan menerima sebarang permohonan tuntutan bayaran balik perbelanjaan perubatan yang dibuat oleh pesara.** Syarikat Oratis Services Sdn. Bhd. akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan pembekalan ubat dan peralatan perubatan kepada pesara.

6. Sekiranya pihak YBhg. Dato' / Datin / Dr. / Tuan / Puan mempunyai sebarang pertanyaan mengenai e-MASS, pihak YBhg. Dato' / Datin / Dr. / Tuan / Puan boleh menghubungi *Careline* e-MASS di talian bebas tol **1 800 88 6627**.

7. Sebarang pertanyaan juga boleh disalurkan kepada :

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Pasca Perkhidmatan  
Aras 2 – 5 Blok C2 Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P Putrajaya

**No.Telefon** : 03 – 8885 4475 / 4476 / 4477 / 4478

**No.Faks** : 03 – 8888 4028

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,



**( DATO YEOW CHIN KIONG )**

Pengarah  
Bahagian Pasca Perkhidmatan ( Pencen )  
b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
MALAYSIA.